

23 AUG 1996

KETUA BARU KEMBALIKAN SEMANGAT PEKERJA TENAGA

SHAH ALAM, 23 Ogos (Bernama) -- Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali, yang dipilih untuk mengetuai Tenaga Nasional Bhd hari ini berkata tugas segeranya ialah untuk memulihkan semula semangat bekerja di kalangan kakitangan syarikat itu.

"Saya rasa saya dialu-alukan di Tenaga, dan saya mesti melakukan sesuatu untuk Tenaga," beliau memberitahu Bernama selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed ke Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) di sini.

Tajuddin yang telah diberitahu oleh perdana menteri yang beliau akan memegang jawatan pengerusi eksekutif dan ketua pegawai eksekutif, berpendapat bahawa harapan terhadapnya adalah tinggi.

Ditanya strateginya untuk menjadikan Tenaga Nasional sebuah syarikat tenaga yang dinamis, Tajuddin yang masih lagi ketua pengarah Sirim, berkata tugas pertamanya ialah mengkaji struktur yang ada sekarang di Tenaga Nasional dan mengkaji pendekatan terbaik atau penyesuaian.

Sungguhpun beliau sayangkan kerjanya di Sirim yang dianggapnya sebagai memuaskan dari segi intelek, Tajuddin berkata beliau berharap dapat mengatasi cabaran dalam menerajui pertubuhan yang besar seperti Tenaga Nasional yang kini menanggung masalah moral yang rendah akibat daripada gangguan elektrik di seluruh semenanjung pada 3 Ogos lalu.

Bagi Sirim, Tajuddin berkata beliau gembira yang Dr Mahathir melahirkan rasa puas hati dengan apa yang dicapainya sejak beberapa tahun kebelakangan.

Dr Mahathir hari ini mengumumkan perlantikan Dr Mohamed Ariffin Haji Aton sebagai ketua pegawai eksekutif yang baru bagi Sirim Bhd yang dikorporatkan.

Tajuddin berkata beliau menganggap Ariffin, yang buat masa sekarang ketua pegawai eksekutif Petronas Research and Scientific Services Bhd, sebagai seorang yang paling layak untuk Sirim memandangkan beliau mempunyai pengalaman luas dalam mengendalikan sebuah syarikat penyelidikan.

Dr Mahathir melawat Blok 24, iaitu usaha sama antara Sirim dan Transceiver Technology Sdn Bhd yang menempatkan Sirim Rapid Prototyping Services Sdn Bhd (Sirim RPS).

Sirim RPS sudahpun memainkan peranan penting dalam perniagaan hi-tech dengan melengkapkan dirinya dengan kelengkapan terkini. -- BERNAMA

SHO MA/sia